



HUBUNGAN ANTARA GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR MATRIKULASI

NOOR ZALINA BINTI MUSTAFA



DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)

FALKUTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2012





PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



1 MAC 2012



Tandatangan

NOOR ZALINA BINTI MUSTAFA
M20072000658





“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, dan selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.”

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan limpah kurnia dan inayah-Nya, maka kajian kes yang bertajuk, “*Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Matrikulasi* ” ini telah dapat disempurnakan dengan jayanya bagi memenuhi syarat untuk bergraduat dalam Sarjana Pengurusan Pendidikan. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam menyempurnakan dan menyelesaikan kajian kes ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Che Mohd Zulkifli Bin Che Omar selaku Penyelia dalam membantu saya menyiapkan kajian ini. Begitu juga terima kasih kepada responden yang telah memberi kerjasama mengisi borang soal selidik dengan jujur.

Akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih ini buat rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam yang telah memberi kerjasama dan menyumbang idea dalam kajian ini. Teristimewa buat suami dan anak-anak tersayang kerana sentiasa menyokong dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Terima kasih untuk semuanya.

NOOR ZALINA BINTI MUSTAFA
M2007200658





Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan gaya pembelajaran terhadap pencapaian akademik pelajar kolej matrikulasi. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan jantina dan jurusan pengajian. Kajian ini dijalankan ke atas 186 orang pelajar Kolej Matrikulasi Perak menggunakan alat kajian *Perceptual Learning Styles Preferences Questionnaire (PLSQ)* oleh Joy Reid (1984). Statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk analisis taburan. Manakala statistik inferensi iaitu ujian kolerasi Pearson digunakan bagi mengukur hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Analisis Ujian-t digunakan bagi mengenalpasti perbezaan gaya pembelajaran antara jantina dan ujian ANOVA sehalu digunakan untuk mengenalpasti perbezaan gaya pembelajaran antara jurusan pengajian. Dapatan kajian mendapati kategori kinestetik (min = 4.10, SP = 0.43) adalah gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh pelajar. Hasil ujian kolerasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran visual, berkumpulan dan berdikari dengan pencapaian akademik pelajar. Namun demikian, gaya pembelajaran auditori dan kinestetik tidak menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran berdasarkan jantina dan jurusan. Hasil kajian ini diharap dapat membantu semua pihak, terutama kepada pensyarah agar dapat merancang dan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan cekap dan berkesan.





Abstract

The aim of this research is to study the relationship between learning styles and academic achievement of matriculation students. This research was conducted among 186 Perak Matriculation College using The Perceptual Learning Styles Preferences Questionnaire (PLSQ) by Joy Reid (1984). Descriptive statistics used in the study involved percentage, mean and standard deviation. Inference statistics involving Pearson Correlation analysis was used to indicate variable relationship between student learning styles and academic achievements. T-test analysis was used to find out the differences in learning styles between gender, while One Way ANOVA analysis was used to find out the differences in learning styles among courses. The result showed that the students learning styles were mainly of kinesthetic with mean score 4.10 (SD = 0.43). Result from the correlation test indicated that there is a significant correlation between visual, group and independent learning styles with students achievement at significant level of $\alpha = 0.05$. However, auditory and kinesthetic learning styles have no significant relation in students achievement. Result also show that there was no significant difference in learning styles based on gender and courses. Hopefully, the finding of the research can be used by all parties especially the lecturers in order to plan an interesting and effective teaching and learning activities.



**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

PENGAKUAN	ii
-----------	----

PENGHARGAAN	iii
-------------	-----

ABSTRAK	iv
---------	----

ABSTRACT	v
----------	---

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
----------------	---

1.2 LatarBelakangKajian	1
-------------------------	---

1.3 PernyataanMasalah	5
-----------------------	---

1.4 KerangkaKajian	8
--------------------	---

1.5 ObjektifKajian	11
--------------------	----

1.6 KepentinganKajian.	14
------------------------	----

1.7 BatasanKajian	16
-------------------	----

1.8 DefinisiOperasional	16
-------------------------	----

1.9 Rumusan	20
-------------	----

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	21
----------------	----

2.2 KonsepPembelajaran	21
------------------------	----

2.3 Konsep Gaya Pembelajaran	23
------------------------------	----

2.4 Teori-teoriPembelajaran	23
-----------------------------	----

2.5 Model-model Gaya Pembelajaran	47
-----------------------------------	----

2.6 Kajian – kajianLepas	
--------------------------	--

2.6.1 Kajian – kajianLuar Negara	59
----------------------------------	----

2.6.2 Kajian – kajianDalam Negara	63
-----------------------------------	----

2.7 Rumusan	77
-------------	----





BAB 3 : METADOLOGI

3.1 Pengenalan	73
3.2 Reka bentuk Kajian	73
3.3 Populasi Dan Sampel Kajian	73
3.4 Instrumen Kajian	76
3.5 Kajian Rintis	78
3.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	80
3.7 Tatacara Pengumpulan Data	81
3.8 Tatacara Penganalisaan Data	81
3.9 Rumusan	83



BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	84
4.2 Dapatan Deskriptif	84
4.3 Dapatan Inferensi	87
4.4 Rumusan	97

BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	98
5.2 Ringkasan Kajian	98
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	
5.3.1 Gaya Pembelajaran Dominan Yang Di Amalkan Pelajar	98
5.3.2 Perbezaan Dari Segi Gaya Pembelajaran Visual Antara Jantina	100
5.3.3 Perbezaan Gaya Pembelajaran Visual Antara Pelajar Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal Dan Perakaunan	101
5.3.4 Perbezaan Dari Segi Gaya Pembelajaran Auditori Antara Jantina	102
5.3.5 Perbezaan Gaya Pembelajaran Auditori Antara Pelajar Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal Dan Perakaunan	103
5.3.6 Perbezaan Dari Gaya Pembelajaran Kinestetik Antara Jantina	104
5.3.7 Perbezaan Gaya Pembelajaran Kinestetik Antara Pelajar Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal Dan Perakaunan	104





5.3.8 Perbezaan Dari Segi Gaya Pembelajaran Berkumpulan Jantina	105
5.3.9 Perbezaan Gaya Pembelajaran Berkumpulan Antara Pelajar Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal Dan Perakaunan	106
5.3.10 Perbezaan Gaya Pembelajaran Berdikari Antara Jantina	107
5.3.11 Perbezaan Gaya Pembelajaran Berdikari Antara Pelajar Jurusan Sains Hayat, Sains Fizikal Dan Perakaunan	107
5.3.12 Hubungan antara Gaya Pembelajaran Visual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar	108
5.3.13 Hubungan antara Gaya Pembelajaran Auditori Dengan Pencapaian Akademik Pelajar	108
5.3.14 Hubungan antara Gaya Pembelajaran Kinestetik Dengan Pencapaian Akademik Pelajar	109
5.3.15 Hubungan antara Gaya Pembelajaran Berkumpulan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar	110
5.3.16 Hubungan antara Gaya Pembelajaran Berdikari Dengan Pencapaian Akademik Pelajar	110
5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian	111
5.5 Implikasi Dapatan Kajian	111
5.6 Cadangan	114
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan	115
5.8 Rumusan	116
RUJUKAN	117
LAMPIRAN	
Lampiran A	125
Lampiran B	131





SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 1.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	
11		
Jadual 2.1	Taburan Responden Mengikut PNGS	30
Jadual 2.2	Dimensi Gaya Pembelajaran Felder & Silverman	50
Jadual 3.1	Taburan Populasi Dan Bilangan Sampel Yang Dipilih Mengikut Jurusan	75
Jadual 3.2	Item-item Bagi Komponen Dalam Bahagian B	78
Jadual 3.3	Skala Pernyataan	78
Jadual 3.4	<i>Alpha Cronbach</i> Untuk Instrumen Kajian	80
Jadual 3.5	Jadual Kekuatan Nilai Pekali Kolerasi	82
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	85
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Jurusan	86
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut PNGS	86
Jadual 4.4	Taburan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Skor Min	87
Jadual 4.5	Perbezaan Gaya Pembelajaran Visual Dengan Jantina	88
Jadual 4.6	Perbezaan Gaya Pembelajaran Visual Dengan Jurusan	88
Jadual 4.7	Perbezaan Gaya Pembelajaran Auditori Dengan Jantina	89
Jadual 4.8	Perbezaan Gaya Pembelajaran Auditori Dengan Jurusan	89





Jadual 4.9 Perbezaan Gaya Pembelajaran Kinestetik Dengan Jantina 90

Jadual 4.10 Perbezaan Gaya Pembelajaran Kinestetik Dengan Jurusan 91

Jadual 4.11 Perbezaan Gaya Pembelajaran Berkumpulan Dengan Jantina 92

Jadual 4.12 Perbezaan Gaya Pembelajaran Berkumpulan Dengan Jurusan 92

Jadual 4.13 Perbezaan Gaya Pembelajaran Berdikari Dengan Jantina 92

Jadual 4.14 Perbezaan Gaya Pembelajaran Berdikari Dengan Jurusan 93

Jadual 4.15 Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Pelajar 94

Jadual 4.16 Pengujian Hipotesis Secara Keseluruhan 96





SENARAI RAJAH

<u>Rajah</u>		<u>Mukasurat</u>
Rajah 1.1	Kerangka Kajian	11
Rajah 2.1	Teori Pelaziman Pavlov	25
Rajah 2.2	Hieraki Keperluan Maslow	45
Rajah 2.3	Tahap-tahap Peredaran Proses Pembelajaran Honey& Mumford	55





SENARAI SINGKATAN

ANOVA	-	Analysis of variance
JERI	-	Jasmani, Emosi, RohanidanIntelek
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PNGS	-	Purata Nilai Gred Semester
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	Statistical Packages For Social Sciences





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, kerangka kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional serta rumusan. Bab ini juga akan memberikan gambaran tentang keperluan kajian ini dilaksanakan dan pembentukan hipotesis kajian yang menjadi fokus kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh berteraskan konsep keseimbangan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup besar ke arah memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat





utama institusi pendidikan adalah untuk menyediakan dan melengkapkan pelajar dalam menghadapi pekerjaan dan dunia sebenar.

Kemunculan pelbagai institusi pendidikan sama ada awam atau swasta seperti sekolah, kolej dan universiti dilihat sebagai platform untuk merealisasikan matlamat ini. Salah satu pusat pendidikan yang dilihat penting dalam membentuk generasi yang diinginkan oleh negara ialah Kolej Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia. Program Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan program persediaan bagi pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum melayakkan mereka mengikuti kursus peringkat Ijazah Pertama dalam bidang Sains, Teknologi dan Sastera Ikhtisas di universiti awam dan swasta sama ada tempatan mahu pun luar negara. Lantaran itu, pencapaian akademik penting kepada pelajar bagi membolehkan mereka memilih bidang pengkhususan dan universiti yang terbaik untuk mereka. Selain itu, keputusan peperiksaan yang baik juga membolehkan pelajar mendapatkan biasiswa, dermasiswa atau mendapatkan pekerjaan dengan lebih mudah.

Fenomena ini mengakibatkan para pelajar, pensyarah dan pihak pentadbiran kolej matrikulasi menjalankan pelbagai usaha untuk membolehkan setiap pelajar yang melanjutkan pelajaran di kolej matrikulasi memperolehi pencapaian akademik yang tinggi dan memberansangkan. Menurut Azizi, Shareza dan Nordin (2003), pencapaian dalam akademik menjadi kayu pengukur yang utama dalam menentukan kejayaan sesuatu sistem pendidikan. Pelbagai faktor menyumbang kepada kejayaan pelajar seperti kecerdasan intelek, daya usaha yang berlebihan, tumpuan yang lebih ketika proses pengajaran dan pembelajaran serta strategi belajar yang mantap (Khalid, 2000). Walau bagaimanapun, beberapa kajian yang dijalankan mendapati corak pembelajaran pelajar memberi kesan





langsung ke atas prestasi pencapaian mereka. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza di antara satu sama lain. Seorang pelajar mula membentuk gaya pembelajaran sejak awal kanak-kanak dan gaya pembelajaran tersebut akan terus berkembang dan digunakan dalam proses pembelajarannya.

Kajian-kajian yang dijalankan juga mendapati untuk belajar dengan lebih berjaya, para pelajar perlu didedahkan kepada pelbagai model dan teknik pembelajaran. Dalam kajian Dunn & Griggs (1995) menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan gaya pembelajaran akan mendapat pencapaian yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang tidak menggunakan gaya pembelajaran. Dapatan kajian oleh Nelson (1993) juga turut menunjukkan kesan positif gaya pembelajaran ke atas pencapaian akademik pelajar, di mana pelajar yang mendapat pendedahan tentang gaya pembelajaran memperoleh pencapaian akademik yang tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak mendapat pendedahan tentang gaya pembelajaran. Walau bagaimanapun unsur ini kurang ditekankan oleh golongan pendidik. Khalid (2002), menyatakan bahawa kajian mengenai ilmu pembelajaran berkesan memang telah lama wujud. Malangnya tidak ramai pelajar diajar dan dibimbing mengenainya. Ramai pelajar menggunakan cara yang diamalkan melalui percubaan dan pengalaman.

Gaya belajar dikalangan pelajar dapat memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan potensi pembelajaran di kalangan para pelajar. Oleh kerana setiap individu mempunyai kecenderungan dan potensi yang berbeza, gaya pembelajaran yang diamalkan juga berbeza-beza. Setiap pelajar mempunyai cara yang berbeza untuk menerima, menganalisis, memproses maklumat dan mengguna pakai maklumat yang diperolehi dalam proses pembelajaran. Menurut Azizi dan Nurfaizah (2011), pelajar harus



mengenalpasti gaya pembelajaran yang disukai agar pelajar dapat memberi fokus yang lebih terhadap apa yang dipelajari. Para pelajar seharusnya mengetahui pendekatan belajar yang sesuai untuk berjaya dalam pelajaran dan seterusnya mengguna pakai maklumat yang diperolehi dalam proses pembelajaran.

Jesteru pelbagai teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran telah dikenalpasti serta digunakan bagi memastikan setiap pelajar dapat mengembangkan segala potensi yang ada dalam diri mereka untuk meningkatkan kecemerlangan. Guru yang dapat mengenalpasti gaya pembelajaran seseorang pelajar dan kemudiannya menyediakan pengajaran yang konsisten dengan gaya pembelajaran tersebut akan menyumbang kepada pembelajaran yang lebih berkesan (Claxton dan Murell, 1993). Menurut Rohaila, Norasmah dan Fauziah (2005), guru yang berusaha memahami gaya pembelajaran pelajar lebih awal, boleh menggunakannya bagi memperbaiki kelemahan pelajar dan menjadikannya asas untuk membina kekuatan pengajaran.

Selain guru, pelajar juga berperanan menentukan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan mereka. Menurut Misnan Jemali (2002), kebijaksanaan pelajar dalam menentukan gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka akan menentukan pencapaian mereka. Ini turut disokong oleh kenyataan Felder (1993), bahawa pelajar-pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan pengajaran guru cenderung untuk menyimpan maklumat yang diperolehi lebih lama, mengaplikasikannya dengan lebih efektif dan mempunyai persepsi yang positif terhadap subjek yang dipelajari berbanding rakan-rakan mereka yang mempunyai padanan pengajaran dan gaya pembelajaran yang tidak bersesuaian.



Menurut Rashidah (2007), gaya pembelajaran yang baik dan berkesan dapat merangsang para pelajar untuk meningkatkan motivasi terhadap pencapaian pelajar. Ini sekaligus dapat meningkatkan tumpuan terhadap pelajaran yang diajar oleh guru. Tumpuan dan minat yang ditunjukkan oleh para pelajar terhadap sesuatu subjek akan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu teknik pengajaran dan pembelajaran yang baik perlu dilaksanakan kerana ia dapat mempengaruhi gaya pembelajaran para pelajar agar pembelajaran di dalam kelas dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan pada peringkat matrikulasi merupakan salah satu laluan yang membolehkan pelajar meneruskan pengajian ke peringkat menara gading. Pengajian peringkat matrikulasi boleh dianggap sebagai tahun peralihan di antara alam persekolahan ke alam universiti. Pengajian di peringkat matrikulasi memerlukan kesungguhan, kerajinan serta gaya pembelajaran yang sistematik bagi mencapai kecemerlangan dalam akademik. Sebagai seorang pelajar yang telah mencapai keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), mereka memikul tanggungjawab yang berat dalam usaha untuk memastikan mereka juga beroleh kecemerlangan di peringkat matrikulasi. Kejayaan cemerlang yang dicapai oleh pelajar semasa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bukanlah jaminan untuk mereka turut memperolehi keputusan yang cemerlang pada peringkat pengajian di matrikulasi.





Walaupun pemilihan pelajar untuk melanjutkan pengajian di peringkat matrikulasi berdasarkan keputusan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang hampir sama tetapi apabila menjalani program matrikulasi, tahap pencapaian akademik mereka berbeza-beza antara satu sama lain. Berdasarkan laporan analisis peperiksaan pada akhir setiap semester didapati pencapaian akademik pelajar di Kolej Matrikulasi Perak adalah berbeza-beza. Terdapat pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang iaitu PNGS (Purata Nilai Gred Semester) 4.00 hingga 3.50. Ada juga pelajar yang memperolehi keputusan yang sederhana iaitu PNGS (Purata Nilai Gred Semester) diantara 2.00 hingga 3.00. Satu persoalan yang timbul ialah mengapakah dengan melaksanakan kesamaan dari segi kurikulum, buku rujukan, waktu belajar dan pendekatan pengajaran yang sama, tidak ramai pelajar yang berjaya memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang. Oleh itu, segala usaha harus dicari bagi mengenalpasti masalah yang berkaitan dengan pencapaian akademik yang berbeza-beza di kalangan pelajar-pelajar.

Menurut Ahmad Johari dan Hanisah (2010), ketidakmampuan pelajar memperlihatkan prestasi cemerlang dalam tugas kerja kursus secara proses, keputusan peperiksaan dan interaksi semasa kuliah menggambarkan terdapatnya kelemahan dalam proses pemindahan pembelajaran kepada pelajar. Kelemahan ini ada kaitan dengan kegagalan pelajar mengambilkira perbezaan dalam gaya pembelajaran mereka. Kajian yang dijalankan oleh Norhani et al. (2005) untuk mengenalpasti punca prestasi pembelajaran yang lemah dikalangan pelajar mendapati bahawa salah satu punca prestasi pembelajaran yang lemah di kalangan pelajar adalah faktor teknik belajar. Pemilihan gaya pembelajaran yang sesuai dan berkesan dapat membantu pelajar memperolehi kecemerlangan. Sebaliknya pemilihan gaya pembelajaran yang kurang bersesuaian akan





menyebabkan hasil pencapaian yang rendah. Menurut Dunn (1980), kegagalan pelajar bukan disebabkan oleh kurikulum sebaliknya mereka boleh belajar sebarang matapelajaran sekiranya pembelajaran itu menekankan kepada gaya yang mereka gemari. Chambers (1991) berpendapat, pelajar harus menggunakan gaya pembelajaran sebagai kekuatan mereka dalam bidang akademik. Hal ini kerana cara yang bersesuaian dengan ciri-ciri pembelajaran akan menyebabkan pelajar di semua peringkat lebih bermotivasi dan seterusnya akan meningkatkan pencapaian akademik.

Beberapa kajian yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu mendapati wujudnya hubungan di antara gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dengan pencapaian akademik mereka. Kajian yang dijalankan oleh Doreen M.Lopez dan Linda Schroedre (2008) mendapati pelajar-pelajar yang belajar dalam kumpulan, mendengar arahan dengan baik dan melakukan tugas mengikut arahan mempunyai pencapaian yang baik dalam pelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Susbada (1992), turut mendapati wujudnya perbezaan antara gaya pembelajaran pelajar yang cemerlang dan lemah terhadap pencapaian pelajar.

Oleh itu, kajian tentang gaya pembelajaran pelajar adalah perlu kerana kajian ini dapat membantu mencelikkan para pensyarah dalam mengetahui gaya pembelajaran yang sering diamalkan oleh pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang dan seterusnya dapat membantu pensyarah merancang strategi pengajaran yang dapat meningkatkan minat pelajar dalam sesuatu subjek atau matapelajaran. Minat yang mendalam dalam mempelajari sesuatu subjek dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik pelajar. Persoalan yang timbul, adakah benar gaya pembelajaran pelajar mempengaruhi pencapaian akademik pelajar? Jesteru bagi menjawab persoalan ini





kajian untuk melihat hubungan antara gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian akademik pelajar dijalankan di Kolej Matrikulasi Perak, Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.4 Kerangka Kajian

Teori-teori pembelajaran digunakan dalam kajian ini kerana dapatan kajian oleh ahli-ahli psikologi pendidikan menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan proses pembelajaran. Menurut Kamarudin (2010), pembelajaran akan dapat dihasilkan dengan sempurna apabila pelajar dapat berasa akan kepuasan belajar melalui pelbagai aktiviti yang diketengahkan. Cara-cara belajar yang diketengahkan kepada mereka harus sesuai dan bahan-bahan pembelajaran pula mestilah memikat dan menarik³² hati. Dalam hal ini, segala keperluan mereka harus dapat dipenuhi. Ia melibatkan minat dan kecenderungan, kebolehan mereka berfikir, keupayaan membuat pengamatan, kerelaan bertindak balas dan melibatkan diri, kebolehan bercakap dan berinteraksi dan sebagainya adalah antara perkara yang boleh mempengaruhi pembelajaran mereka. Bekerja dalam kumpulan, kesediaan belajar dan beberapa cara belajar yang menyeronokkan dapat memenuhi keperluan psikologi mereka untuk belajar.

Kerangka kajian ini juga dibentuk berpandukan aspek yang ingin dikaji mengikut Model Pembelajaran VAK oleh Fernald, Keller, Orton, Gillingham, Stillman dan Montessori (1920) iaitu visual, auditori dan kinestetik. Melalui Model Pembelajaran VAK, gaya pembelajaran pelajar di dilihat sama ada melalui deria penglihatan (visual), pendengaran (auditori) atau pergerakan (kinestetik). Grinder dan Bandler (1987) , menyatakan terdapat tiga stail pembelajaran iaitu visual, auditori dan kinestetik-taktil.





Pelajar visual adalah pelajar yang gemar belajar dengan cara melihat carta, graf, demonstrasi dan gambarajah selain daripada gemar membaca kepada dirinya sendiri, menyelesaikan silangkata dan berupaya mencari objek-objek dengan cepat. Pelajar auditori merupakan pelajar yang gemar belajar dengan cara membaca atau menyebut perkataan-perkataan agar didengari. Mereka lebih gemar kepada syarahan daripada demonstrasi. Mereka tidak merasakan satu keperluan untuk menulis sebab lebih selesa berdasarkan kepada apa yang didengari. Mereka juga dapat bekerja dengan lebih baik secara berpasangan dan berkumpul. Manakala pelajar kinestetik-taktil ialah pelajar yang gemar belajar melalui cara menyentuh dan merasa. Kesselesaaan adalah penting kepada pelajar ini kerana mereka suka bergerak ke sana sini dan ingin memanipulasikan objek-objek supaya lebih memahaminya.



Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Terdapat pelajar yang gemar belajar secara berkumpul dan ada juga yang lebih gemar belajar secara bersendirian. Selain gaya pembelajaran berbentuk perseptual, gaya pembelajaran juga dikategorikan berdasarkan sifat pelajar. Melalui Model Gaya Pembelajaran Grash-Riechman dan Model Gaya Pembelajaran Salvin gaya pembelajaran pelajar dikategorikan kepada gaya pembelajaran berdikari, penghindaran, kolaboratif, pergantungan, persaingan, penyertaan, gaya pembelajaran bergantung dan gaya pembelajaran tidak bergantung. Model-model ini dipilih kerana di peringkat matrikulasi terdapat tiga kaedah pengajaran yang digunakan iaitu berbentuk kuliah, tutoran dan amali. Kuliah pada kebiasaannya menggunakan kaedah penyampaian berbentuk syarahan oleh pensyarah manakala untuk tutoran penglibatan pelajar adalah lebih diperlukan sama ada




untuk kerja berkumpulan atau untuk tugas individu. Kaedah amali pula lebih banyak melibatkan pelajar jurusan sains dan dijalankan di makmal-makmal sains.

Perbezaan jantina dan jurusan yang diikuti oleh pelajar juga memainkan peranan dalam mewujudkan perbezaan dalam gaya pembelajaran. Gaya pembelajaran sangat penting kepada pelajar kerana ia mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pencapaian akademik pelajar. Dunn dan Dunn (1978), menyatakan bahawa kajian yang dijalankan beliau seabad yang lalu mendapati bahawa strategi belajar bagi seseorang individu sangat berbeza di antara satu sama lain. Beliau mendapati bahawa kaedah, sumber dan program yang disesuaikan dengan strategi pembelajaran seseorang pelajar dapat mempertingkatkan pencapaian akademik seseorang pelajar dan membawa individu mencapai ke tahap yang lebih cemerlang. Strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan jurusan dan kehendak kursus yang diambil juga akan memberi kesan positif kepada pencapaian akademik pelajar. Menurut Meor Ibrahim dan Nor Ashima (2010), sekiranya gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar berpadanan dengan jurusan yang diikuti, maka ini akan memberikan kesan yang positif terhadap pencapaian akademik mereka. Sekiranya tidak ini akan memberi kesan yang negatif terhadap pemahaman serta pencapaian mereka dalam peperiksaan. Selain itu, perbezaan jantina turut mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Melalui gaya pembelajaran yang berbeza pencapaian akademik juga berbeza antara pelajar lelaki dan perempuan. Kajian yang dijalankan oleh Ithnin, Norasyikin dan Abdul Jabar (2011), mendapati terdapat perbezaan jantina dengan gaya pembelajaran. Dapatan kajian turut mendapati bahawa pelajar perempuan mempunyai pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar lelaki.

Berdasarkan teori pembelajaran dan beberapa kajian lepas berkaitan dengan gaya pembelajaran kerangka kajian dibentuk seperti rajah 1.1 . Kajian ini cuba melihat hubungan antara gaya pembelajaran visual, auditori, kinestetik, berkumpulan dan berdikari dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar kolej matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia. Aspek-aspek tersebut pula dihubungkan dengan faktor-faktor jantina dan jurusan yang diambil iaitu jurusan sains hayat, sains fizikal dan perakaunan.

Kerangka kajian menunjukkan pemboleh ubah bersandar ialah visual, auditori, kinestetik ,berkumpulan, berdikari dan pencapaian akademik pelajar. Manakala pemboleh ubah bebas pula ialah jantina dan jurusan.



Rajah 1.1 : Kerangka Kajian

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian kajian ini dijalankan ialah untuk :

- Mengenal pasti gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh pelajar - pelajar Kolej Matrikulasi Perak sesi 2009/2010.

- ii. Mengenal pasti perbezaan gaya pembelajaran visual, auditori, kinestetik, berkumpulan dan berdikari dari segi jantina dan jurusan
- iii. Mengenal pasti hubungan di antara gaya pembelajaran (visual, auditori, kinestetik, berkumpulan dan berdikari) dengan pencapaian akademik pelajar di kolej matrikulasi.

1.5.1 Persoalan Kajian

Menurut Abd. Majid (2000), persoalan kajian adalah saranan sementara yang menjelaskan sesuatu fenomena yang dikaji sebagai penyelesaian masalah. Ini membolehkan penyelidik mengaitkan teori dengan cerapan kajian. Secara khususnya kajian ini bertujuan menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan dikalangan pelajar matrikulasi Perak sesi 2009/2010.
- ii. Apakah terdapat perbezaan di antara gaya pembelajaran bagi visual, auditori, kinestetik, berkumpulan dan berdikari dari segi jantina dan jurusan.
- iii. Apakah hubungan antara gaya pembelajaran bagi visual, auditori, kinestetik, berkumpulan dan berdikari dengan pencapaian akademik pelajar di Kolej Matrikulasi Perak.

1.5.2 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah idea ataupun andaian yang dibuat bagi ujian. Pembentukan hipotesis perlu berdasarkan pada masalah yang berlaku secara logik. Hipotesis perlu dinyatakan dengan

jelas dengan terminologi yang betul dan dapat dijalankan, dapat diuji serta menyatakan perbezaan atau hubungan antara pemboleh ubah.

Beberapa hipotesis telah dibina untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan kajian. Kesemua pernyataan hipotesis adalah berbentuk hipotesis nol.

Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti berikut:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gaya pembelajaran visual dari segi jantina dan jurusan

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gaya pembelajaran auditori dari segi jantina dan jurusan

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gaya pembelajaran kinestetik dari segi jantina dan jurusan

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gaya pembelajaran berkumpulan dari segi jantina dan jurusan

Ho5: Tidak terdapat yang signifikan antara gaya pembelajaran berdikari dari segi jantina dan jurusan

Ho6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran visual dengan pencapaian akademik pelajar.

Ho7: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap gaya pembelajaran auditori dengan pencapaian akademik pelajar.

Ho8: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran kinestetik dengan pencapaian akademik pelajar.

Ho9: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran kumpulan dengan pencapaian akademik pelajar.



Ho10: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran berdikari dengan pencapaian akademik pelajar.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini, penyelidik berharap dapat memberi manfaat kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kolej-kolej matrikulasi terutamanya di Kolej Matrikulasi Perak. Kajian ini adalah penting kerana ianya boleh memberikan gambaran tentang gaya pembelajaran yang cenderung diamalkan oleh pelajar-pelajar kolej matrikulasi khusus di Kolej Matrikulasi Perak. Dapatan yang diperolehi melalui kajian diharap agar dapat membantu pihak-pihak tertentu dalam bidang pendidikan khususnya di kolej matrikulasi untuk merancang dan menambahbaik lagi proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar. Dapatan kajian ini boleh membantu pelajar-pelajar mengenalpasti gaya pembelajaran yang paling sesuai diamalkan di peringkat matrikulasi bagi membantu mereka untuk belajar dengan lebih berkesan dan seterusnya dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik.

Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai garis panduan oleh pensyarah-pensyarah untuk memantapkan lagi pengajaran mereka selaras dengan gaya pembelajaran yang sering diamalkan oleh pelajar. Maklumat ini membolehkan pensyarah memahami gaya pembelajaran pelajar dan membantu mereka merancang bahan mengajar yang bersesuaian dengan gaya dan amalan belajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan.





Selain itu hasil pemahaman tentang gaya pembelajaran pelajar dapat membantu pensyarah meningkatkan kreativiti dalam aktiviti pengajaran mereka supaya berpadanan dengan gaya pembelajaran pelajar bagi menghasilkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan di dalam kuliah atau bilik tutoran. Kajian ini juga diharapkan dapat mengenalpasti dan menyelesaikan sebahagian daripada masalah pembelajaran yang dihadapi oleh para pelajar di dalam memberi tumpuan semasa berada di dalam kuliah atau tutoran.

Hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak pengurusan (ketua unit, ketua jabatan) di kolej - kolej matrikulasi bagi mengenalpasti gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan pelajar jurusan masing-masing. Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan sandaran oleh pihak pengurusan kolej matrikulasi (ketua unit, ketua jabatan) dalam menganjurkan bengkel teknik atau kemahiran belajar dikalangan para pelajar bagi membolehkan pelajar-pelajar mempelajari teknik yang paling berkesan dalam meningkatkan kecemerlangan akademik.

Selain itu, dapatan kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada pengkaji mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar dan seterusnya dapat mengemukakan cadangan dan pendapat supaya pelajar dapat mengubah sikap ke arah pembelajaran yang lebih positif. Kajian ini juga diharap menjadi titik permulaan bagi kajian lanjutan dalam aspek gaya pembelajaran dan pencapaian pelajar dengan lebih terperinci terutamanya di kolej-kolej matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia.





1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian adalah seperti berikut:

- a) Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar di Kolej Matrikulasi Perak. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih spesifik untuk Kementerian Pelajaran Malaysia dan Bahagian Matrikulasi KPM tentang gaya belajar pelajar-pelajar kolej matrikulasi KPM, kajian boleh dijalankan terhadap populasi pelajar-pelajar kolej matrikulasi KPM.
- b) Maklumat yang diperolehi daripada responden adalah berdasarkan maklum balas dalam borang soal selidik yang dibentuk dari *Perceptual Learning Style Preference Questionnaire* (PLSQ) sahaja . Oleh itu, respon pelajar adalah terhadap hanya kepada pernyataan-pernyataan dalam borang soal selidik sahaja.

1.8 Definisi Operasional

Definisi istilah dinyatakan dalam kajian ini bagi menjelaskan konsep atau model kajian.

1.8.1 Gaya Pembelajaran

Ciccarelli dan Mayer (2006) , mendefinisikan gaya pembelajaran adalah cara yang khusus yang digunakan oleh individu untuk mendapatkan maklumat. Salvin (2006), menyatakan gaya pembelajaran merujuk kepada perbezaan cara-cara individu belajar, yang mana individu belajar pelbagai cara pembelajaran tetapi menggunakan hanya cara yang sesuai dengan diri mereka. Menurut Gusentine dan Keim (1996), gaya pembelajaran meliputi



aspek-aspek personaliti, pemprosesan maklumat, interaksi sosial, kecenderungan terhadap garis panduan, penumpuan perhatian terhadap sesuatu yang baru, unik dan tersendiri dalam diri individu.

Dalam kajian ini, gaya pembelajaran dikenalpasti dengan menggunakan Model VAK oleh Fernald, Keller, Orton, Gillingham, Stillman dan Montessori (1920) iaitu visual, auditori dan kinestetik. Selain itu, gaya pembelajaran berkumpulan dan berdikari turut dikaji bagi mengenalpasti hubungannya terhadap pencapaian akademik pelajar.

1.8.2 Gaya pembelajaran visual

Pelajar belajar dengan lebih baik dengan melihat perkataan dalam buku dan papan tulis, tidak memerlukan penerangan lisan yang banyak, dapat belajar bersendirian dengan membaca buku, tidak perlu mencatat penerangan atau arahan lisan yang disampaikan sekiranya ingin mengingat sesuatu.

1.8.3 Gaya pembelajaran auditori

Pelajar belajar daripada perkataan yang diujarkan, dapat mengingat maklumat dengan membaca kuat dengan mengerak-gerakan bibir ketika membaca serta mendapat manfaat daripada mendengar pita audio, syarahan dan perbincangan kelas. Pelajar auditori gemar belajar dengan melibatkan deria pendengaran.

1.8.4 Gaya Pembelajaran Kinestetik

Pelajar belajar dengan lebih baik melalui pengalaman dan penglibatan secara aktif dalam aktiviti lawatan dan main peranan. Kombinasi rangsangan seperti aktiviti dan pita audio



memudahkan pelajar memahami perkara baru. Pelajar menggunakan keseluruhan pergerakan badan serta melalui sendiri sesuatu pengalaman untuk mengingat apa yang dipelajari.

1.8.5 Gaya Pembelajaran Berkumpulan

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini akan merasa lebih mudah belajar dan menyiapkan tugas apabila belajar dengan pelajar lain. Mereka juga akan lebih mudah memahami dan mengingat sesuatu maklumat apabila belajar secara berkumpulan.

1.8.6 Gaya Pembelajaran Berdikari

Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran ini akan belajar dengan lebih baik apabila berseorangan. Mereka juga akan dapat berfikir dan mengingat maklumat dengan lebih baik apabila belajar berseorangan.

1.8.7 Pelajar

Menurut Kamus (1997), pelajar merujuk kepada murid atau mahasiswa. Dalam kajian ini, pelajar adalah merujuk kepada pelajar-pelajar kolej matrikulasi sesi 2009/2010 yang dipilih dari semua jurusan yang ditawarkan (jurusan sains hayat, jurusan sains fizikal dan jurusan perakaunan)

1.8.8 Pencapaian Akademik

Menurut Kamus Dewan (2007), pencapaian membawa maksud apa yang dicapai atau prestasi. Akademik pula berkaitan dengan akademik (pusat pengajian tinggi) dan bersifat



atau mengandungi ilmu pengetahuan (yang tinggi atau mendalam). Dengan kata lain, pencapaian akademik lebih berfokus kepada gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan yang diduduki. Sekiranya seseorang pelajar itu mencapai gred yang baik bermakna mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan sebaliknya.

Dalam konteks kajian ini, pencapaian akademik merujuk kepada keputusan PNGS (Purata Nilai Gred Semester) pelajar-pelajar Kolej Matrikulasi Perak. Pencapaian akademik pelajar di Kolej Matrikulasi Perak bergantung kepada gred yang telah ditetapkan oleh Bahagian Matrikulasi.

Jadual 1.1 : Gred, Mata Nilai dan Taraf

Gred	Skala/ Mata Nilai	Taraf
A	4.00	Cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	
B	3.00	Kepujian
B-	2.67	
C+	2.33	Lulus
C	2.00	
C-	1.67	
D+	1.33	
D	1.00	
F	0.00	Gagal

Sumber: Buku Panduan Program Matrikulasi Satu Tahun (PST), KPM.

1.9 Rumusan

Kajian ini diharap akan mencapai tujuan kajian ini iaitu untuk melihat hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar Kolej Matrikulasi Perak. Hasil penyelidikan ini juga diharap dapat membantu pelajar mengenalpasti gaya pembelajaran yang bersesuaian untuk mereka pada peringkat matrikulasi. Gaya pembelajaran yang bersesuaian dapat membantu mereka memahami isi pelajaran dengan lebih baik seterusnya membantu mereka memperolehi keputusan peperiksaan yang lebih cemerlang.